

# Raja Perlis hadir majlis santapan Ulang Tahun Keputeraan Ke-71

UM/03-06-14/14/1/A/IPS

KUALA LUMPUR 21 Jun - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat ke majlis santapan malam sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-71 baginda.

Majlis santapan malam anjuran Jemaah Datuk-Datuk Perlis itu berlangsung di Hotel Royal Chulan.

Yang turut berangkat, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man dan Presiden Jemaah Datuk-Datuk Perlis, Jeneral (B) Tan Sri Che Md. Noor Mat Arshad.

Sementara itu, Che Md. Noor berkata, majlis itu merupakan kemuncak kepada aktiviti tahunan Jemaah Datuk-Datuk Perlis.

"Majlis ini diadakan di Kuala Lumpur memandangkan ahli-ahli jemaah dan penderma sumbangan menetap di sekitar Lembah Klang.

"Keberangkatan Tuanku Syed Sirajuddin ke majlis ini ternyata menggembirakan ahli dan para penderma," katanya.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bersama Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (dua kanan) berkenan mencemar duli berangkat pada Majlis Santapan Malam sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-71 di Hotel Royal Chulan, Jalan Conlay, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/ WAHIDIN SALIM